

Polis tidak tolak kemungkinan pengganas di Syria mahu tarik golongan muda IS sasar rekrut kanak-kanak

Oleh KU RIZDUAN KU ABDUL RAHMAN
kurizduan.kurahman@kosmo.com.my

NILAI - Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak menolak kemungkinan terdapat usaha untuk merekrut golongan kanak-kanak negara ini untuk menyertai kumpulan militan Islam State (IS) di Syria.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Counter Terrorism, Cawangan Khas Bukit Aman, Datuk Ayub Khan Mydin Pitchay berkata, ini kerana terdapat beberapa keluarga rakyat Malaysia di Syria kini terlibat dalam kumpulan itu yang turut sama membawa anak-anak mereka.

Bagaimanapun katanya, setakat ini pihaknya belum menerima sebarang maklumat berhubung usaha merekrut kanak-kanak terus dari negara ini untuk menjadi anggota IS



KERATAN Kosmo! 13 Mac 2015.



AYUB KHAN

seperti disiarkan menerusi klip video dalam laman perkongsian YouTube baru-baru ini.

Rakaman tersebut menunjukkan kanak-kanak bertutur dalam bahasa Indonesia menjalani latihan ketenteraan di Syria.

"Memang ada kanak-kanak dari Malaysia kini berada di Syria yang dibawa oleh keluarga mereka. Kanak-kanak terbabit berusia antara empat bulan hingga 12 tahun. Jika ada sekali pun, saya tidak terkejut kerana mereka sudah berada di negara



KLIP video terbaharu IS dalam bahasa Indonesia yang dipercayai cuba untuk merekrut ahli baharu dalam kalangan kanak-kanak di Asia Tenggara.

bergolok itu dan tinggal di kem yang telah disediakan.

"Tetapi, kita tidak dapat mengesahkan sama ada mereka (kanak-kanak) ini termasuk dalam kumpulan yang terpapar dalam klip video berkenaan," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan taklimat mengenai ancaman Gerakan IS kepada penuntut dan kakitangan Universiti Sains Islam Ma-

laysia (USIM) di Dewan Besar USIM di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Ayub berkata, walaupun polis membuat pelbagai tangkapan terhadap individu disyaki terlibat dengan IS, tidak ada tanda-tanda gerakan itu akan berkurangan dalam masa terdekat.

"Ancaman IS memang serius, masih ramai yang mahu ke Syr-



VIDEO YouTube terbaharu IS dalam bahasa Indonesia yang didakwa disediakan oleh Al-Azzam Media.

ia, malah terbaharu ada yang memberi alasan mahu mengerjakan umrah.

"Sebab itu perlu lebih banyak penerangan mengenai ancaman IS kepada masyarakat terutama terhadap para pelajar," jelasnya.

Tambah beliau, setakat ini seramai 61 rakyat Malaysia dikenalpasti berada di Syria untuk menyertai beberapa kumpulan militan di sana.